



**PERUTUSAN
YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2023

3 MAC 2023

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Hari Hidupan Liar Sedunia atau *World Wildlife Day* disambut pada 3 Mac setiap tahun bagi memupuk kesedaran masyarakat dunia tentang kepentingan dan cabaran dalam pemuliharaan hidupan liar. Tema sambutan pada tahun ini adalah **Kerjasama untuk Pemuliharaan Hidupan Liar (*Partnerships for Wildlife Conservation*)** bagi menunjukkan kepentingan usaha-usaha bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak dalam melindungi dan memulihara hidupan liar dan habitatnya.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sentiasa komited dalam menyokong usaha-usaha memulihara dan memelihara hidupan liar melalui penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2022 [Akta A1646], penyediaan insentif konservasi biodiversiti dan hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* - EFT) serta pelantikan renjer komuniti dan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3).

Penguatan operasi penguatkuasaan telah berjaya merampas pelbagai produk hidupan liar seperti gading gajah, sumbu badak, sisik tenggiling dan kayu *Red Sanders* yang cuba diseludup melalui Malaysia sebagai destinasi transit.

Usaha pemuliharaan hidupan liar di habitat asal perlu diperkukuhkan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan meminimumkan konflik manusia dan hidupan liar. Konflik manusia dan hidupan liar boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan, kemusnahan tanaman, kematian ternakan dan juga kemusnahan harta benda.

Mengikut rekod, seramai 25 orang telah meninggal dunia dan 270 orang mengalami kecederaan akibat diserang oleh hidupan liar pada tahun 2018 sehingga 2022. Jumlah keseluruhan anggaran kerugian akibat serangan spesies utama hidupan liar pula adalah berjumlah RM43.3 juta pada tahun 2018 sehingga 2022.

Sambutan pada tahun ini sangat bermakna kerana bersamaan dengan ulang tahun ke-50 *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) yang telah ditandatangani pada tahun 1973. Malaysia adalah ahli kepada *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) sejak 18 Januari 1978. CITES bertanggungjawab memastikan perdagangan antarabangsa spesies fauna dan flora terancam tidak menjejaskan kemandirian spesies di samping meningkatkan keberkesanan usaha pemeliharaan hidupan liar di habitatnya.

Kejayaan Malaysia dalam menyenaraikan Burung Barau-barau (*Pycnonotus zeylanicus*) ke Apendiks I CITES dan Burung Murai Batu (*Kittacincla malabarica*) dalam Apendiks II CITES di 19th Meeting of the Conference of the Parties to CITES (CoP19) pada tahun lepas jelas

menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan hidupan liar negara dilindungi agar tidak diancam kepupusan.

Sempena sambutan Hari Hidupan Liar pada tahun 2023, saya berharap kita semua mengukuhkan tekad untuk mengukuhkan usaha menyelamatkan hidupan liar daripada ancaman kepupusan demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Selamat menyambut Hari Hidupan Liar Sedunia 2023.

NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
3 MAC 2023